

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI PESTA PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR DI MUAR PADA 14HB FEBRUARI, 1974

Tuan Pengerusi Pesta, Y.A.B. Datuk Haji Othman, Ahli-ahli Yang Berhormat, Saudara-saudara, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya sungguh berasa amat gembira kerana dapat membuat lawatan ke Muar untuk bersama-sama dalam suasana meriah ini dan seterusnya melancarkan Pesta Pembangunan Negeri Johor ini. Saya mengucapkan terimakasih kepada Y.A.B. Datuk Menteri Besar atas penghormatan yang diberi pada saya ini di samping mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang berkenaan atas usaha mereka menganjurkan Pesta yang besar ini. Saya sangat terharu di atas sambutan meriah daripada rakyat semua bangsa taat setia. Inilah sambutan yang besar dan meriah yang pernah diberi kepada saya di Malaysia.

Hingga sekarang, Pesta Pembangunan seperti ini telah diadakan di beberapa negeri di Malaysia. Seperti dimaklum, tujuan utama kita mengadakan Pesta ini ialah untuk menggambarkan matalamat yang telah dicapai dan yang bakal dicapai melalui Rancangan Gerakan Pembaharuan di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Seperti yang sedia dimaklum, Gerakan Pembaharuan ini telah dilancarkan hampir satu setengah tahun lalu di Dungun, Trengganu, di mana saya telah mengarahkan segala rancangan pembangunan masyarakat dihubungkan rapat dengan strateji baru pembangunan negara. Adalah mustahak usaha-usaha pembangunan diselaraskan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang mana adalah harapan seluruh rakyat untuk menjamin wujudnya kita sebagai satu bangsa yang bersatu. Memandang betapa mustahaknya Dasar Ekonomi Baru ini dijayakan sepenuhnya, hendaklah ada pembaharuan sikap, pembaharuan cara berfikir dan pembaharuan cara bertindak di kalangan semua pihak yang terlibat dalam rancangan-rancangan pembangunan baik rakyat mahupun pegawai-pegawai Kerajaan. Dengan demikian, dapatlah dijamin kerjasama yang rapat pada semua peringkat bagi mencapai kejayaan dalam pelaksanaan semua rancangan untuk kebajikan rakyat dan juga negara.

Sejak negara kita merdeka hingga hari ini, Kerajaan telah berusaha melaksanakan seberapa banyak rancangan pembangunan

untuk rakyat terutama sekali rakyat di luar bandar. Kejayaan yang telah kita capai sejauh ini amatlah besar berbanding dengan apa yang dibuat dalam zaman penjajah dahulu. Bahkan tidaklah salah kalau dikatakan pada masa dahulu rakyat luar bandar tinggal dalam keadaan terbiar sahaja selama itu kerana pembangunan hanya dijalankan untuk kepentingan bandar-bandar dan tempat-tempat yang tertentu sahaja. Bagaimanapun, kita tidaklah harus berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai sejauh ini malahan kita perlu bergiat lebih kuat lagi untuk mencapai taraf hidup yang lebih tinggi setanding dengan negara-negara maju pada hari ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Gerakan Pembaharuan bolehlah dikatakan inti segala usaha yang kita jalankan oleh kerana falsafah pembangunan cara baru ini bukanlah semata-mata mengadakan kemudahan untuk rakyat sepertimana yang dilakukan dalam rancangan-rancangan pembangunan lima tahun yang terdahulu dari ini. Pada masa itu kita banyak menumpukan perhatian kepada kemudahan-kemudahan infrastruktur iaitu jalan, jambatan, masjid, balai raya, hinggan perigi atau telaga pun disediakan untuk rakyat di kampung-kampung. Tetapi ini bolehlah dikatakan tindakan sebelah pihak sahaja iaitu Kerajaan menyediakan bagi rakyat dan rakyat hanya menunggu nikmat itu. Kecualilah di setengah-tengah tempat di mana dijalankan kerja secara gotong-royong barulah rakyat yang berkenaan turut melibatkan diri dalam rancangan untuk kebajikan mereka itu.

Sebenarnya tujuan Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan itu ialah bagi peringkat pertama supaya rakyat dapat menikmati sebahagian daripada matalamat Kerajaan iaitu hendak meninggikan taraf hidup rakyat daripada paras zaman penjajahan dulu. Bagaimanapun, kita mengakui iaitu masalah pokok masih belum dapat diatasi iaitu kemiskinan rakyat dan keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara satu kaum dengan kaum yang lain, yang terpisah pula antara satu dengan lain kepada sesuatu jenis pekerjaan dan cara hidup yang berasingan. Pelancaran Dasar Ekonomi Baru, seperti kita maklum, adalah tindakan tegas untuk mengatasi kedua-dua masalah ini dan seterusnya menjamin perpaduan rakyat dan kestabilan negara untuk masa hadapan.

Hakikat inilah yang memerlukan perubahan sikap dan cara berfikir serta bertindak bukan saja di pihak rakyat bahkan juga

di pihak alat-alat Kerajaan yang menjalankan tugas-tugas melaksanakan dasar Kerajaan. Rakyat tidak harus lagi bersikap passive iaitu hanya meminta dan menerima kemudahan dari Kerajaan. Serentak dengan itu alat-alat Kerajaan dikehendaki mengetahui betul-betul hasrat dan harapan rakyat serta cuba memenuhinya menurut kehendak rakyat yang sebenarnya. Pendek kata, saya ingin melihat dalam melaksanakan apa juga rancangan untuk kebajikan rakyat, patutlah dijamin penyertaan mereka pada semua peringkat supaya benar-benar mencapai hasil yang dikehendaki oleh mereka itu.

Tambahan pula patutlah diingat bahawa Kerajaan kita sedang berusaha memupuk semangat demokrasi supaya berakar umbi dalam kehidupan masyarakat di negara ini. Oleh yang demikian, penyertaan dan penglibatan rakyat dalam usaha-usaha Kerajaan ini adalah cara yang sebaik-baiknya bagi menentukan supaya fahaman demokrasi itu berkembang subur dan kedua-dua pihak bersama-sama memikul tanggungjawab melaksanakan pemerintahan rakyat yang dipunyai oleh rakyat dan untuk kesejahteraan rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pesta yang kita saksikan bersama-sama di sini adalah gambaran yang nyata mengenai kejayaan yang telah kita capai dalam berbagai lapangan hidup. Sesiapapun tidak dapat menafikan bahawa Kerajaan yang ada sekarang ini telah berbuat dan akan terus berbuat apa juga yang perlu demi kepentingan dan kebajikan rakyat jelata. Di Negeri Johor ini Kerajaan Persekutuan telahpun meluaskan kegiatannya di bidang pembangunan ekonomi yang selama ini terhad kepada rancangan-rancangan FELDA seperti yang terdapat di Kulai, Kota Tinggi dan Mersing. Kegiatan FELDA akan terus ditingkatkan dalam kawasan Johor Tenggara dan di samping itu beberapa rancangan baru telahpun siap atau sedang dalam pelaksanaan seperti projek lapangan terbang di Senai, projek pelabuhan di Pasir Gudang, projek Majuternak, Majuikan dan lain-lain lagi.

Selanjutnya bantuan akan terus diberi kepada Kerajaan Negeri dalam usaha memperluaskan kegiatan-kegiatan di bidang perindustrian dengan mengadakan *industrial estate* atau kawasan perusahaan di Tanjung Agas, Pasir Gudang, Segamat dan di Pontian, dalam bidang usaha membawa perusahaan-perusahaan baru ke

bandar-bandar kecil dan ke kawasan-kawasan luar bandar. Saya sukacita menyebutkan di sini semasa lawatan terakhir dua tahun dahulu orang-orang di Muar melahirkan perasaan kecewa kerana ketinggalan di belakang berbanding dengan Johor Baharu, Batu Pahat dan Kluang. Syukur Alhamdulillah, saya mendapati beberapa perusahaan baru akan masuk ke Tanjung Agas di sini dalam sedikit masa lagi dan akan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang Muar khasnya kaum belia. Begitu juga kita tahu sebuah perusahaan elektronik sudahpun memulakan kegiatannya di Pontian dan saya percaya beberapa buah perusahaan akan juga sampai di Segamat dan Mersing di samping sebuah Kilang Simen yang dirancang di Kota Tinggi.

Saya berpuashati juga dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usahanya memberi peluang penyertaan kepada Bumiputra di lapangan perusahaan dan perniagaan menerusi Lembaga Kemajuan Negeri dan syarikat-syarikat anaknya iaitu Syarikat Ladang Getah Teberau, Syarikat perlombongan perusahaan membuat cutlery dan syarikat perniagaan Sergam. Dengan adanya peluang-peluang seperti ini saya rasa rakyat negeri ini sepatutnya merebut peluang-peluang yang ada itu demi kebajikan mereka dan anak cucu mereka pada masa akan datang. Bagi mereka yang ingin berusaha sendiri dan berdikari di lapangan perniagaan, banyak peluang akan didapati apabila PERNAS mula menjalankan urusan sebagai pembahagi barang-barang keperluan di setiap negeri dalam sedikit masa lagi.

Dengan adanya peluang-peluang yang saya katakan tadi, terpulanglah pada individu menunjukkan sikap yang positif dan berani tampil ke muka merebut peluang-peluang yang terbuka itu. Sebenarnya tidaklah perlu syarat-syarat istimewa ataupun ijazah-ijazah melainkan kemahuan diri serta keazaman hendak berjaya dalam satu-satu jurusan samada di bidang pertanian ataupun perniagaan. Sebaliknya akan sia-sia sahajalah Kerajaan membelanjakan wang berjuta ringgit yang disalurkan menerusi MARA, PERNAS, LPP, Bank Pertanian dan sebagainya kalau rakyat sendiri tidak bersedia hendak memberikan sokongan yang bulat dan menggunakan peluang-peluang yang disediakan itu.

Bagaimanapun patutlah difaham juga bahawa peluang-peluang dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan itu tidaklah mencukupi semua kehendak rakyat. Kita haruslah sedar bahawa apa yang diberi oleh Kerajaan itu hanyalah untuk asas permulaan sahaja yang perlu disambung serta dilengkapi oleh rakyat sendiri.

Adalah tanggungjawab mereka untuk berusaha menggunakan asas-asas kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan dan menambah lagi dengan tenaga sendiri untuk mencapai kejayaan yang dicita-citakan itu. Berbeza dengan masa selepas kemerdekaan dulu, rakyat hari ini tidak seharusnya mengharapkan bantuan dari Kerajaan semata-mata, bahkan mereka hendak berazam memperbaiki diri sendiri.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dalam Pesta ini kita dapat menyaksikan contoh kehidupan yang maju-jaya dalam masyarakat moden. Pamiran yang diatitkan di sini semuanya mempunyai hubungan antara Kerajaan di satu pihak dan rakyat di pihak yang lain dan bagaimana penyatuan tenaga serta daya-usaha rakyat dipadukan dengan perancangan dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan menuju satu matlamat kehidupan yang sempurna. Inilah intisari dari segala pengajaran dan pengalaman yang kita kehendaki dalam Gerakan Pembaharuan. Saya sukacita menyebutkan di sini iaitu Pamiran yang lebih besar di peringkat kebangsaan akan diadakan pada bulan April kelak di Ibu Negara kita, Kuala Lumpur. Tidak syak lagi, dari Pamiran yang ada ini, rakyat akan dapat mempelajari serta memahami cara-cara memperbaiki keadaan hidup mereka dan saya harap hasil dari pengajaran yang didapati di sini akan menimbulkan keazaman baru serta keyakinan hendak ingin maju dan berdikari.

Saya percaya kalau benih-benih pembaharuan yang disemaikan menerusi Pesta seperti ini mula bercambah dengan subur ibarat sebuah kebun yang hijau, sudah tentulah cita-cita kita hendak membina masyarakat Malaysia yang moden dan progresif itu akan segera tercapai. Seperti yang saya tegaskan semasa melancarkan Gerakan Pembaharuan tahun 1972 dahulu, peluang-peluang seperti yang ada pada masa ini tidak akan terjumpa lagi dan, seperti juga masa, ianya tidak akan menunggu sesiapa. Sekali terlepas bermakna terlepas untuk selama-lamanya. Inilah kenyataan yang mesti difahami dan terserahkan kepada kita untuk bertindak segera mengambil peluang keemasan itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Seperti yang sedia dimaklum, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah tegas bagi mencapai matlamat pembangunan menerusi badan-badan seperti FELDA, FELCRA, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Jengka dan Trengganu

Tengah. Kerajaan telah juga menubuhkan badan-badan dan agensi-agensi seperti MARA, PERNAS, Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Padi dan Beras Negara, RISDA, Bank Pertanian, Maju-ternak, Majuikan dan lain-lain lagi untuk memperhebatkan lagi usaha-usaha pembangunan. Baru-baru ini Bank Bumiputra telah menubuhkan sebuah bank anak iaitu Bank Pembangunan atau Development Bank untuk memenuhi keperluan tertentu. Dengan ini nyatalah bahawa Kerajaan telah berbuat apa yang perlu untuk kepentingan rakyat dan saya ingin melihat sambutan rakyat kepada rancangan-rancangan itu. Dalam bidang perniagaan, saya gembira mendapati bahawa sudah lahir segolongan rakyat Bumiputra yang berani menghadapi cabaran-cabaran dunia perniagaan. Saya berharap lebih ramai lagi rakyat Bumiputra akan berbuat demikian. Keberanian untuk menempuh cabaran-cabaran dengan tabah hati inilah yang dikehendaki dalam semangat Gerakan Pembaharuan.

Dalam pada itu patutlah difaham juga bahawa Gerakan Pembaharuan ini bukanlah semata-mata ditujukan kepada "physical progress" atau kemajuan kebendaan saja bahkan adalah sebaiknya diperhatikan agar perubahan itu meliputi keperluan rohani juga. Manusia yang sempurna hendaklah mempunyai kekuatan rohani dan jasmani dan hakikat inilah yang memberikan seorang individu keberanian dan keyakinan yang dikehendaki dalam Gerakan Pembaharuan.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Akhir kata, sukaiah saya memuji pihak yang merancang Pesta ini kerana menggunakan segala daya fikiran dan imagination supaya Pesta ini betul-betul memberi kesan kepada rakyat. Saya sangat tertarik hati dengan Kampung Contoh yang diabadikan dengan nama Allahyarham Tun Dr Ismail dan sesungguhnya inilah penghormatan yang bijaksana untuk mengenangi jasa-jasa beliau kepada Negeri Johor ini. Dengan itu, dari Pesta ini akan kekal sebagai sebuah perkampungan yang abadi untuk menjadi tumpuan pelawat-pelawat yang akan datang ke mari. Pendek kata, perancangan seperti ini patut menjadi tauladan kepada Negeri-negeri lain yang bercadang hendak mengadakan Pesta mereka pada satu masa kelak.

Dengan itu saya dengan penuh sukacita dan gembira merasmikan Pesta Pembangunan Negeri Johor ini.